

Islam antara cerita dan kenyataan



Pena Mufti

Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin

SERING kali kita mendengar orang berkata, Islam agama yang hebat dan membentuk penganutnya menjadi insan bertamadun dan mendahului umat-umat Islam. Pernyataan tersebut disertakan pula dengan kisah-kisah umat Islam yang berjaya dan gemilang sebagai sokongan. Dengan harapan umat era ini akan terus berbangga dengan Islam mereka dan umat yang lain akan tertarik dengan agama yang agung ini.

Malangnya, pernyataan sejarah yang lepas, kelihatannya amat berbeza dengan realiti hari ini. Sementara manusia pula secara majoritinya lebih terkesan dengan realiti yang disaksi, dibandingkan apa yang tertera dalam lembaran sejarah. Apatah lagi jika umat itu, bukan umat yang membaca dan mengkaji.

Jika dilihat kepada masyarakat Islam tempatan, khususnya orang Melayu yang mendominasikannya, kita agak kecewa.

Sebut sahaja segala gejala sosial yang serius, orang Melayu yang mengakui diri sebagai Muslim mendahuluinya. Hinggakan Melayu yang minoriti di negara jiran, tetap majoriti dalam pengambilan dadah, mat rempit, vandalisme, keciciran dalam pendidikan, kemunduran ekonomi dan pelbagai lagi.

Sama ada kita akui atau tidak realitinya, mereka semua didominasi oleh masyarakat yang mengakui Islam sebagai agamanya dan Melayu, bangsanya.

Persoalan yang ditimbulkan atau mereka yang bukan Melayu tertanya-tanya; adakah Islam yang dianuti itu punca kepada ini semua? Sebab, pada zahirnya, semua bangsa berkongsi sama di tanah air kita dari segi udara, air, tanah dan persekitaran. Apa yang membezakan antara kita ialah agama, keduanya bangsa. Jika bangsa tidak ada kaitan dengan soal ini, tentu akan dikaitkan dengan agama. Begitulah sebaliknya.

Sudah pasti sifat Islam sebagai agama wahyu yang maha benar dan sejarah Islam yang gemilang menolak untuk dikaitkan kemunduran dan kelemahan dengan agama yang agung itu. Akidah yang sejahtera akan pasti menginkari untuk Islam dipalitkan dengan kecacatan dan 'ketidakmajuan'. Jika demikian, yang tinggal untuk diperbahaskan atau dikaitkan dengan kelemahan ini ialah sesuatu yang berkait dengan bangsa. Bukan tujuan untuk merendahkan bangsa! Tidak sama sekali! Sebaliknya untuk dibaiki dan dinilai! Bahkan bagi saya, orang Melayu dalam hal ini tidak jauh atau banyak bezanya dengan orang Arab.

Bangsa Melayu, sekalipun banyak kelebihan di sudut budi dan bahasanya, namun dalam beberapa perkara lain secara perbandingan - 'warisan budaya' Melayu

semata tidak begitu mampu atau berdaya saing dalam sesetengah perkara.

Ambil sahaja contoh orang Cina di sudut budaya kesungguhan kerja, berniaga dan seni-seni kehidupan yang lain, amat mantap. Secara umumnya, seorang yang lahir dalam keluarga Cina tidak perlu berhempas pulas memahami ilmu perniagaan. Ini kerana ia telah menjadi sebahagian dari kehidupan. Demikian budaya kerja, tolong-menolong sesama bangsa dan pelbagai budaya positif lain.

Justeru itu, ramai di kalangan mereka sekalipun tidak keluar dengan lulusan yang tinggi dalam bidang perniagaan tetapi mereka lebih berjaya daripada yang keluar dengan sijil bergulung, namun masih menganggur di rumah. Soal rajin kerja, kuat belajar, bersaing secara positif, walaupun ada di kalangan sejarah bangsa Melayu ini, namun ia belum sampai ke peringkat warisan budaya. Sementara orang Cina dan Barat telah mewarisinya sejak zaman-berzaman menerusi sejarah dan tamadun mereka.

Untuk mengatasi kelemahan ruang-ruang tersebut, maka orang Melayu tidak mempunyai pilihan melainkan mengambil suatu tamadun untuk dibudayakan secara zahir dan batin yang tidak mungkin dicabar iaitu Islam yang tulen.

Di sini saya sebutkan perkataan Islam tulen bagi membezakan Islam yang telah disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak.

Bersaing

Jika Islam ini tidak ambil secara betul, maka orang Melayu atau Arab tidak mampu bersaing di persada dunia. Ini kerana, sesetengah bangsa lain, sekalipun mereka kehilangan akidah yang benar, namun ciri-ciri tamadun kaum yang mereka pusakai telah membantu membawa mereka membina harta dan kekayaan.

Sementara bangsa-bangsa yang menganut Islam, jika tidak benar-benar membudayakan Islam dalam prinsip kehidupan secara komprehensif, maka mereka bersaing tanpa kekuatan. Tidak kekuatan Islam, tidak juga kekuatan tamadun bangsa. Sedangkan bangsa-bangsa tidak Islam, sekurang-kurangnya mempunyai bekalan persaingan iaitu tamadun bangsa yang mempunyai ciri-ciri positif dalam beberapa sudut. Justeru itu, mereka lebih ke hadapan dan berjaya.

Mungkin ada yang bertanya: "Mana perginya kekuatan tamadun bangsa-bangsa yang menganut Islam ini?" Apakah bangsa mereka langsung tidak ada istimewa?

Saya katakan, mungkin. Namun banyak pusaka warisan itu hampir hilang sejak bergenerasi lamanya, dek datangnya Islam yang membawa tamadun yang maha agung dan berwibawa. Juga sifat Islam yang menghapuskan apa yang bertentang dengan prinsipnya yang kudus.

Islam telah mengambil tempat warisan budaya atau pusaka sesetengah bangsa dengan gantian suatu sis-

temnya yang paling ampuh. Malangnya apabila generasi kemudian memegang Islam secara pinggiran, atau tersasar dari panduannya, maka mereka kehilangan tamadun Islam yang agung, sekali gus warisan budaya mereka yang dahulu.

Sesuatu bangsa apabila hilang akar tamadunya, maka lemahlah mereka, serta mudahlah terdedah kepada pengaruh dan serangan luar. Itulah realiti kita hari ini. Melayu atau Arab yang sedang hanyut dengan dunia khayalan yang digula-gulkan.

Ditambah lagi, Islam yang diajar tidak lagi dalam bentuk yang difahami oleh generasi awal yang telah berjaya membina keagungan. Persoalan akidah tidak lagi menjadi teras dalam banyak keilmuan. Sehingga perkara-perkara yang merosakkan akidah ramai tidak lagi difahami. Ataupun akidah gagal ditempatkan di persada persaingan.

Sementara sesetengahnya mencanangkan Islam dengan tafsiran yang mundur lagi tidak berasas. Ada yang menganggap selain mata pelajaran yang berbunyi 'arab' adalah sekular. Seketika golongan agama lebih mudah diingati jika dikaitkan dengan kain pelekat, baju Melayu, datang lewat, berjalan *slow*, tidur di masjid, susah terima pendapat orang lain, muncul ketika orang mati dan kahwin dan hilang ketika umat gawat bersaing menghadapi percaturan zaman.

Hingga orang akan kehairanan jika seorang ustaz tahu banyak perkara. Jika ustaz tidak tahu tentang perkembangan semasa dan persoalan moden, mereka kata; "Biasalah, dia tu ustaz!" Maka akhirnya golongan agamawan gagal mengisi posisi-posisi penting umat.

Apa tidaknya. Ketika harta dan ekonomi umat tergedai, golongan agama masih ada yang bisung soal hukum orang bukan Islam makan daging akikah atau larangan menjawab salam mereka!

Sepatutnya kita berfikir bagaimana untuk menjadikan Islam ini lebih menarik sehingga bukan muslim di sekeliling kita menerima petunjuk yang benar. Sekali gus segala kekayaan yang mereka miliki turut Islam bersama mereka. Bukan sekadar sekeping daging akikah, atau sepepat ucapan salam.

Maka kita hilang Islam, tiada pula pusaka nenek moyang. Islam yang sepatutnya mengisi ruang tamadun kita, telah kita tinggalkan. Maka ramai pemuda kita tiada cita-cita besar, tidak merasai ketinggian harga diri dan tiada tanggungjawab, akibat tidak ada jiwa agama.

Jika dia berbangsa Cina, mungkin dia malu kerana bekerja rajin itu adalah budaya yang jika ditinggal suatu kecacatan dan kehinaan. Jika dia Muslim yang baik, dia akan merasai dosa hidup tanpa usaha dan perjuangan. Tetapi apabila dia Melayu tanpa agama dan budaya, dia rasa itu biasa...

Amir al-Mukminin 'Umar bin al-Khattab pernah menyebut kepada kaum Arab: "Kita dahulunya adalah kaum yang hina, Allah telah memuliakan kita dengan Islam, andainya kita mencari kemuliaan selain dari apa yang telah Allah muliakan kita dengannya maka

kita akan dihina oleh Allah." Riwayat ini sanadnya dikatakan sahih oleh al-Hakim dan disokong oleh al-Zahabi (*al-Hakim, al-Mustadrak*, 1/237, cetakan: Dar al-Ma'rifah, Beirut).

Maulana Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi dalam bukannya *Kaif Dakhala al-'Arab al-Tarikh* menggambarkan betapa Arab sebelum kedatangan Islam hidup dalam keadaan terencil dari pentas sejarah. Sekalipun pada Arab itu ada ciri-ciri yang baik dan akhlak yang mulia. Mereka memiliki keberanian dan kepandaian dalam senjata, juga tunggangan kuda. Mereka mempunyai bahasa yang tinggi nilainya, indah dan baik. Malangnya kesemua itu tidak mampu membawa mereka ke persada sejarah yang gemilang.

Namun mereka akhirnya berjaya memasuki pentas sejarah apabila menjadi pembawa risalah dan hidayah. Sehingga al-Nadwi menyatakan: "Hendaklah orang Arab ketahui bahawa mereka tidak memasuki (pentas) sejarah kecuali dengan jalan risalah Islam dan dakwah Islamiah. Allah tidak menumbuhkan kecintaan (orang lain) kepada mereka dalam jiwa dan hati, tidak tersebar bahasa mereka dengan sebegini luas, ia tidak kekal dan abadi, tidak ditulis dengannya ilmu yang banyak, tidak terbentuk dengannya perpustakaan yang begitu besar yang mana ulama bukan Arab mendapat habuannya lebih dari orang Arab sendiri, kecuali dengan sebab kelebihan al-Quran dan syariat Islam. Orang Arab tidak akan kembali kepada kedudukan mereka yang awal dan tidak akan memasuki (pentas) sejarah sekali lagi melainkan melalui pintu yang mereka masuk pada awalnya," (*Al-Nadwi, Kaif Dakhala al-'Arab al-Tarikh*, m.s 26, cetakan: Al-Majma' al-Islami al-'Ilmi, Lacknow, India).

Maka memajukan Melayu bukan sekadar menghidupkan inang dan makyung atau yang sewaktu dengannya. Sebaliknya ialah dengan membunuh nilai-nilai negatif yang dimusuhi oleh Islam, seperti 'tidak rajin', hasad, tidak *itqan* (bersungguh) dalam sesuatu pekerjaan, membazir waktu, melampau dalam hiburan dan pelbagai lagi.

Wajib menghidupkan nilai-nilai positif yang disuruh oleh al-Quran dan al-sunah seperti rasa bertanggungjawab membangunkan umat yang membuah kesungguhan menuntut ilmu dalam segala bidang, peranan kekhalfahan membina tamadun. Roh sebenar Islam mesti diterapkan untuk ini semua.

Maka guru-guru agama, hendaklah memiliki *al-'uqul al-nadijah al-wa'iyah* (akal yang matang lagi berkesedaran) yang mampu menggerakkan tamadun umat. Bukan sekadar membicara kes-kes yang hampir pupus pada ratusan tahun yang lepas. Atau sekadar mengulangi bab haid dan nifas tanpa mampu bergerak murid-muridnya menghasilkan sendiri keperluan wanita moden ketika haid dan nifas.